

*Pandangan Buddha Terhadap Pemakanan Daging*

***Pandangan Buddha Terhadap Pemakanan Daging***

*Diterjemahkan daripada:*

The Buddha's View On Meat Eating

Bhikkhu Dhammavuddho Mahathera

**Edisi Pertama, Ogos 2011**

*Untuk Edaran Percuma Sahaja*

**Penterjemah:**

*Para Penyokong Vihara Buddha Gotama*

**Sumber:**

*Vihara Buddha Gotama  
www.vbgnet.org*

**Cetakan**

*Chee K'hoon Printings Sdn Bhd*



**Antara Semua Pemberian, Pemberian Dhamma Adalah Yang Terunggul.**

*Sabbā Danam Dhammadanam Jinati*

**SEMOGA SEMUA MAKHLUK BAHAGIA**



## ***Pandangan Buddha Terhadap Pemakanan Daging***

Bhikkhu Dhammavuddho Mahathera

*Namo Tassa Bhagavato Arahato Samma Sambuddhassa*

### **PENGENALAN**

Pemakanan daging merupakan satu topik yang sangat sensitif. Ada banyak pandangan terhadap perkara ini dan setiap pandangan mungkin benar sehingga takat tertentu, tetapi pandangan-pandangan tersebut mungkin tidak bijaksana. Dalam hal ini, kita harus mengetepikan pandangan peribadi dan bersikap cukup terbuka untuk mengamati pandangan Buddha. Hal ini penting kerana beliau adalah *Tathagata* yang mengetahui dan melihat.

*Sutta* (khutbah-khutbah) dan *Vinaya* (peraturan-peraturan *bhikkhu*) akan menjadi sumber rujukan kita kerana dalam *Anguttara Nikaya* (AN) 4.180, Buddha menyatakan bahawa jika *bhikkhu* (sami Buddha) tertentu mendakwa sesuatu adalah kata-kata Buddha, maka dakwaan tersebut haruslah dibandingkan dengan *Sutta* dan *Vinaya*. Hanya jika ia menurut *Sutta* dan *Vinaya*, barulah kita dapat menerimanya sebagai kata-kata Buddha.

Pertimbangan selanjutnya adalah *Sutta* dan *Vinaya* manakah yang patut menjadi rujukan kita? Walaupun pelbagai mazhab Buddhis mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap ajaran Buddha, secara umumnya semua setuju bahawa keempat-empat *Nikaya* (koleksi-koleksi), iaitu, *Digha Nikaya* (DN), *Majjhima Nikaya* (MN), *Samyutta Nikaya* (SN), dan *Anguttara Nikaya*, dan beberapa buah buku daripada *Khuddaka Nikaya* (KN), adalah khutbah-khutbah sejati Buddha yang tertua. Lebih-lebih lagi, buku-buku tertua ini semuanya seragam dengan ciri-ciri pembebasan, sementara buku-buku terkini kadangkala memberi ajaran-ajaran yang bercanggah.

Buku-buku *Vinaya* daripada pelbagai mazhab Buddhis semuanya hampir serupa dengan *Vinaya Theravada*. Oleh itu, *Sutta-Sutta* tertua dan *Vinaya Theravada* akan menjadi sumber rujukan kita.

## **RUJUKAN-RUJUKAN SUTTA**

### **Majjhima Nikaya 55**

Khutbah ini adalah penting kerana disinilah Buddha menyatakan dengan jelas pandangan beliau terhadap pemakanan daging.

Tabib Diraja, Jivaka Komarabhacca, datang mengunjungi Buddha. Setelah memberi penghormatan, dia berkata: “Yang Mulia, saya terdengar akan hal ini: ‘Mereka menyembelih makhluk-makhluk hidup untuk *Samana* Gotama (iaitu Buddha); *Samana* Gotama secara sedar memakan daging yang disediakan untuknya daripada binatang-binatang yang dibunuh untuknya’...”; dan bertanya sama ada hal ini benar.

Buddha menafikan dakwaan ini, tambah beliau: “Jivaka, saya kata ada tiga situasi di mana daging tidak patut dimakan: apabila dilihat, didengar atau disyaki (bahawa makhluk hidup tersebut telah disembelih khusus untuk diri seseorang) ... Saya kata ada tiga situasi di mana pemakanan daging diizinkan: apabila tidak dilihat, didengar atau disyaki (bahawa makhluk hidup tersebut telah disembelih khusus untuk diri seseorang) ....”

Buddha menambah selanjutnya: “Jika seseorang menyembelih satu makhluk hidup untuk *Tathagata* (iaitu Buddha) atau *bhikkhu-bhikkhu* beliau, dia menimbun banyak *kamma* buruk dalam lima situasi ... (i) Ketika dia berkata: ‘Pergi dan bawa makhluk hidup itu’ ... (ii) Ketika makhluk hidup itu menderita

kesakitan dan kesedihan semasa ditarik dengan tali ikatan lehernya ... (iii) Ketika dia berkata: ‘Pergi dan sembelih makhluk hidup itu’ ... (iv) Ketika makhluk hidup itu mengalami kesakitan dan kesedihan kerana disembelih ... (v) Ketika dia mempersembahkan makanan yang tidak diizinkan kepada *Tathagata* atau *bhikkhu-bhikkhu* beliau ....”

Oleh itu kita mendapat tahu bahawa Buddha membezakan daging yang diizinkan<sup>1</sup> dengan tiga syarat daripada daging yang tidak diizinkan. Ini adalah kriteria yang paling penting berhubung dengan pemakanan daging.

### **Anguttara Nikaya 8.12**

Jeneral Siha, seorang pengikut Nigantha, menganuti ajaran Buddha setelah dia mempelajari *Dhamma* daripada Buddha.

Hari berikutnya dia mengundang Buddha dan rombongan *bhikkhu* ke rumahnya untuk makan, dan menghidangkan daging dan makanan lain. Pihak Nigantha, oleh sebab cemburu bahawa seorang umat awam yang terkemuka dan berpengaruh telah berpaling ke kumpulan Buddha, menyebarkan khabar angin bahawa Jeneral Siha telah membunuh seekor binatang besar dan memasaknya untuk *Samana* Gotama, “... dan *Samana* Gotama akan memakan daging tersebut, dengan pengetahuan bahawa daging itu memang dimaksudkan untuknya, dan perbuatan tersebut dilakukan untuk kepentingannya. ”

---

<sup>1</sup> Dengan pengecualian sepuluh jenis daging yang dilarang bagi para *bhikkhu*: manusia, gajah, kuda, anjing, dubuk, ular, beruang, singa, harimau, dan harimau kumbang. Sila rujuk Buku Peraturan, *Mahavagga*, the Books of the Discipline (BD): Buku 4, muka surat 298 - 300. The Books of the Discipline adalah penterjemahan ke bahasa Inggeris daripada buku *Vinaya* (dalam Bahasa *Pali*) oleh *Pali Text Society*, U.K..

Apabila berita ini sampai ke telinga Jeneral Siha, dia menafikan tuduhan mereka, katanya: “ ... Sudah lama tuan-tuan yang terhormat ini (pihak Nigantha) berniat untuk menghina *Buddha ... Dhamma ... Sangha*; tetapi mereka tidak dapat mengganggu Yang Termulia dengan fitnah-fitnah mereka yang keji, sia-sia, bohong dan tidak benar. Tidak demi menyara kehidupan akan kita dengan sengaja merampas nyawa mana-mana makhluk.”

Ini adalah salah satu khutbah yang dengan jelas menunjukkan bahawa Buddha dan bhikkhu-bhikkhu beliau memakan daging. Juga, kita dapati bahawa daging daripada binatang yang sudah mati ketika dibeli, diizinkan pemakanannya, tetapi tidak jika binatang tersebut masih hidup.

#### **Anguttara Nikaya 5.44**

Ini berkenaan seorang umat awam, Ugga, yang mempersembahkan banyak jenis makanan baik kepada Buddha; antaranya daging babi yang dimasak dengan buah jujube yang diterima oleh Buddha. Sekali lagi, adalah jelas bahawa Buddha dan *bhikkhu-bhikkhu* beliau memakan daging.

#### **Sutta Nipata 2.2**

Di sini Buddha mengingat kembali satu peristiwa pada kehidupan lampainya semasa zaman Buddha Kassapa. Pada masa itu Buddha Kassapa adalah gurunya.

Pada ketika itu seorang pertapa berkepercayaan luaran bertemu Buddha Kassapa dan memakinya kerana memakan daging, yang didakwanya keji berbanding dengan pemakanan makanan vegetarian.

Buddha Kassapa membalas: “Membunuh ... melukai ... mencuri, berbohong, menipu ... berzina; inilah keji.

Bukan pemakanan daging.

... Mereka yang kasar, sombong, memfitnah, curang, jahat ... kedekut ... inilah keji. Bukan pemakanan daging.

... Kemarahan, keangkuan, kedegilan, permusuhan, penipuan, kedengkian, bercakap besar ... inilah keji. Bukan pemakanan daging.

... Mereka yang bermoral buruk, ... memfitnah ... bermegah-megah ... menjadi orang yang paling hina, melakukan perbuatan jahat sedemikian, inilah keji. Bukan pemakanan daging ... ”

## **RUJUKAN-RUJUKAN VINAYA**

### **Patimokkha: Pacittiya 39**

Dalam peraturan *bhikkhu*, seorang *bhikkhu* tidak diizinkan untuk meminta makanan khusus. Tetapi, pengecualian diberi dalam *Patimokkha (sila bhikkhu)* apabila *bhikkhu* tersebut sakit. Dalam keadaan ini, *bhikkhu* tersebut diizinkan untuk meminta hasilan tenusu, minyak makan, madu, gula, ikan, daging ... Jelas bahawa ikan dan daging diizinkan untuk para *bhikkhu*.

### **Buku Peraturan: Buku Keempat<sup>2</sup>**

Dalam *Mahavagga*, sepuluh jenis daging dilarang bagi para *bhikkhu*: manusia, gajah, kuda, anjing, dubuk, ular, beruang, singa, harimau, dan harimau kumbang. Dengan ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa daging binatang-binatang lain misalnya babi, lembu, ayam, dan sebagainya diizinkan, selagi tiga syarat untuk ‘daging yang diizinkan’ dipatuhi.

---

<sup>2</sup> BD, Buku 4, Muka surat 298 - 300.

### **Buku Peraturan: Buku Keempat<sup>3</sup>**

Sup jernih daging diizinkan bagi *bhikkhu* yang sakit.

### **Buku Peraturan: Buku Pertama<sup>4</sup>**

Beberapa orang *bhikkhu* sedang menuruni lereng-lereng Puncak Burung Nasar. Mereka ternampak sisa binatang yang mati dibunuh singa, menyuruh orang memasaknya dan memakannya. Pada masa yang lain, *bhikkhu-bhikkhu* yang lain ternampak sisa binatang yang mati dibunuh harimau ... sisa binatang yang mati dibunuh harimau kumbang ... dan sebagainya ... menyuruh orang memasaknya dan memakannya.

Selepas itu para *bhikkhu* berasa ragu-ragu sama ada perbuatan mereka sama seperti mencuri daripada singa, harimau, harimau kumbang dan sebagainya. Buddha memberi pengecualian kepada mereka dengan menyatakan bahawa tidak ada kesalahan dalam pengambilan apa yang menjadi milik binatang. Di sini kita sekali lagi dapati bahawa para *bhikkhu* memakan daging dan Buddha tidak mengkritik atau melarang hal itu.

### **Buku Peraturan: Buku Kedua<sup>5</sup>**

Ini adalah kejadian ketika *Arahant bhikkhuni* Uppalavanna dipersembahkan dengan daging yang masak. Keesokan paginya, setelah menyediakan daging tersebut di biara *bhikkhuni*, dia pergi ke tempat di mana Buddha sedang tinggal untuk mempersembahkan daging tersebut kepada beliau. Seorang *bhikkhu*, mewakili Buddha, menerima persembahan itu dan menyatakan bahawa Uppalavanna telah menggembirakan Buddha.

---

<sup>3</sup> BD, Buku 4, Muka surat 281.

<sup>4</sup> BD, Buku 1, Muka surat 98.

<sup>5</sup> BD, Buku 2, Muka surat 36 - 38.

Jelas bahawa Buddha memakan daging; kalau tidak, *Arahant bhikkhuni* Uppalavanna tidak akan mempersembhkannya.

### **Buku Peraturan: Buku Kelima<sup>6</sup>**

*Bhikkhu* Devadatta merancang untuk memecah-belahkan komuniti *bhikkhu* dengan meminta Buddha menetapkan lima peraturan, salah satunya adalah para *bhikkhu* tidak diizinkan memakan ikan dan daging.

Buddha tidak bersetuju, kata beliau: “Ikan dan daging adalah murni sepenuhnya berdasarkan tiga ciri: jika tidak dilihat, didengar atau disyaki (telah dibunuh khusus untuk seseorang).”

Buddha mengajar yang seorang *bhikkhu* harus mudah disokong. Jika seorang *bhikkhu* enggan memakan makanan tertentu (baik daging mahupun vegetarian) maka dia tidak mudah disokong.

## **SEBAB-SEBAB BUDDHA MENGIZINKAN PEMAKANAN DAGING**

### **Tidak Ada Kamma Langsung Kerana Pembunuhan**

Buddha berkata: “Ikan dan daging adalah murni sepenuhnya (*parisuddha*) ... ”<sup>7</sup> bermaksud tidak ada *kamma* langsung<sup>8</sup> (perbuatan yang disertai niat) kerana pembunuhan jika binatang itu tidak dilihat, didengar atau disyaki telah dibunuh khusus untuk seseorang.

---

<sup>6</sup> BD, Buku 5, muka surat 276 - 277.

<sup>7</sup> BD, Buku 5, muka surat 276 - 277.

<sup>8</sup> Sila baca "Only We Can Help Ourselves" oleh pengarang tentang penjelasan mengenai *kamma*. [Telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan diterbitkan oleh Vihara Buddha Gotama]



Tanpa tiga syarat ini, *kamma* buruk terlibat dan oleh itu jenis daging tersebut tidak diizinkan.

Walaupun Buddha mengizinkan pemakanan daging, beliau menyatakan dalam AN 4.261 bahawa kita memang mencipta *kamma* buruk jika kita secara langsung mendorong terjadinya pembunuhan, menyetujui dan memuji pembunuhan tersebut. Oleh itu, dalam AN 5.177 Buddha menyatakan bahawa seorang umat awam tidak patut menjual-beli daging, ini dijelaskan dalam Ulasan sebagai pembelaan dan penjualan babi, rusa, (lembu, ayam,) dan sebagainya (untuk disembelih). Demikian juga, seseorang tidak diizinkan untuk memesan misalnya sepuluh ekor ayam untuk keesokan harinya jika ia bermaksud jumlah binatang tersebut akan disembelih untuk seseorang.

### **Vegetarianisme Tidak Berpadanan dengan Cara Hidup Para Bhikkhu Buddhis**

Seorang *bhikkhu* sepatutnya pergi meminta sedekah (mengemis) untuk makanannya kecuali jika dia (i) diundang untuk makan, (ii) makanan itu dibawa ke *Vihara*, atau (iii) makanan itu dimasak di *Vihara*. Dia tidak diizinkan untuk memasak makanan, menyimpan makanan untuk keesokan harinya, atau melibatkan diri dalam kegiatan bercucuk tanam untuk menyara kehidupan dirinya sendiri. Oleh demikian, mengemis adalah salah satu daripada asas cara hidup para *bhikkhu* Buddhis.

Ini dapat dilihat di sebuah negara Buddhis (misalnya Negara Thai) di mana seorang *bhikkhu* mempunyai kebebasan dan sokongan untuk berlatih sepenuhnya mengikut ajaran-ajaran Buddha. Di sana kita dapati bukan sahaja para *bhikkhu* tradisi kehutanan yang pergi meminta sedekah malah para *bhikkhu* bandar dan bandaraya juga mengemis makanan setiap hari.

Seperti kata pepatah, seorang pengemis tidak boleh

memilih-milih, oleh itu, vegetarianisme tidak berpadanan dengan cara hidup para *bhikkhu* Buddhis - ini mungkin merupakan sebab lain mengapa Buddha menolak permintaan Devadatta seperti yang disebutkan sebelum ini.

Walaubagaimanapun, Buddha juga menyatakan bahawa jika seseorang *bhikkhu* tidak mendapat makanan yang mencukupi atau berkhasiat, dia harus beredar dari tempat tersebut.

### **Hujah mengenai Permintaan dan Bekalan**

Sesetengah orang berhujah bahawa walaupun dengan adanya tiga syarat yang disebut sebelum ini, seseorang masih boleh dipersalahkan kerana pemakanan daging mendorong permintaan yang harus dibekalkan dengan pembunuhan binatang. Dengan kata lain, pemakanan daging dalam apa jua keadaan pun mendorong pembunuhan binatang.

Kita harus faham bahawa terdapat dua jenis sebab dan akibat: (i) sebab dan akibat keduniaan, di mana niat tidak terlibat, dan (ii) *kamma-vipaka* Buddhis, atau tindakan yang disertai niat dan akibatnya. Pemakanan daging yang diizinkan dengan tiga syarat melibatkan hanya sebab dan akibat keduniaan, dan tidak ada *kamma* kerana pembunuhan. Pemakanan daging yang tidak diizinkan melibatkan *kamma* buruk dan dengan itu, *vipakanya*. Oleh yang demikian, pemakanan daging harus dibahagikan dengan jelas kepada dua kelas.

Hujah mengenai permintaan dan bekalan bukan sesuatu yang sah. Di dunia, ramai manusia<sup>9</sup> dan binatang yang tidak terhitung jumlahnya dibunuh kenderaan bermotor

---

<sup>9</sup> Dua ribu setiap hari menurut laporan satu surat khabar.

setiap hari. Kita mendorong industri permotoran untuk menghasilkan lebih banyak kenderaan bermotor hanya dengan memandu kenderaan atau duduk di dalamnya. Jika kita menggunakan hujah permintaan dan bekalan, maka kita menggalakkan pembunuhan binatang yang tidak terhitung jumlahnya dan ramai manusia di jalan-jalan raya setiap hari hanya dengan menggunakan kenderaan bermotor - ini lebih teruk daripada pemakanan daging!

Memang benar bahawa kita secara tidak langsung terlibat dalam pembunuhan binatang-binatang, akan tetapi seperti yang dijelaskan sebelum ini, tidak terdapat *kamma-vipaka* kerana pembunuhan. Penglibatan secara tidak langsung dalam pembunuhan benar tidak kira kita memakan daging ataupun tidak, dan ini merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Kita akan berbincang mengenainya selepas ini.

### **Memakan Makanan Vegetarian juga Menggalakkan Pembunuhan**

Kita menggalakkan pembunuhan walaupun jika kita memakan makanan vegetarian. Setiap hari monyet, tupai, musang, kelawar, dan makhluk perosak lain dibunuh kerana mereka makan daripada pokok buah-buahan yang ditanam oleh para petani. Para penanam sayur-sayuran juga membunuh ulat bulu, siput, cacing, belalang, semut, serangga lain dan sebagainya. Di Australia contohnya, kanggaru dan arnab dibunuh setiap hari kerana mereka memakan hasil-hasil tanaman.

Barang-barang yang lazim digunakan hampir setiap orang menyebabkan kematian banyak makhluk hidup. Sebagai contoh, sutera dihasilkan dengan kematian ulat sutera yang tidak terhitung jumlahnya, dan syelek putih,<sup>10</sup> daripada serangga lak yang tidak terhitung jumlahnya.

---

<sup>10</sup> Syelek digunakan untuk menghasilkan banyak produk, termasuk makanan.

Kosmetik mengandungi banyak bahan yang berasal daripada haiwan. Banyak penambah makanan seperti: pewarna, perisa, pemanis, juga menggunakan bahan-bahan yang berasal daripada haiwan. Keju hasilan komersial menggunakan renet yang diekstrak daripada perut anak-anak lembu untuk menggumpalkan susu.

Produk kulit dan bulu tentunya dihasilkan daripada kulit binatang yang selalunya dibunuh khusus untuk tujuan ini. Filem fotografi menggunakan gelatin yang diperolehi dengan mendidihkan kulit, urat dan tulang binatang-binatang.

Malah baja untuk sayur-sayuran dan pokok buah-buahan selalunya mengandungi tulang ikan yang kering dan digiling, dan sisa-sisa ikan yang lain. Selain itu, penggunaan susu lembu dan madu juga melibatkan banyak kekejaman terhadap binatang dan serangga berkaitan.

Semua ini menunjukkan betapa sukarnya untuk tidak terlibat dalam kekejaman yang dilakukan terhadap binatang-binatang melalui satu cara atau yang lain.

Jadi, seandainya seseorang menjadi vegetarian, dia patut merenungi hal-hal di atas dan menghindari daripada menjadi terlalu kritikal terhadap mereka yang memakan daging.

### **Binatang Masih Dibunuh Walaupun Semua Manusia Menjadi Vegetarian**

Walaupun jika semua manusia menjadi vegetarian, binatang masih akan dibunuh. Ini kerana binatang membiak lebih cepat berbanding manusia sehingga dengan mudah menjadi ancaman terhadap kewujudan manusia.

Sebagai contoh beberapa tahun yang lalu, di beberapa kawasan di Afrika, gajah merupakan binatang

yang dilindungi. Akan tetapi, bilangan gajah kini telah bertambah berlipat ganda sehingga menjadi ancaman, dan undang-undang perlindungan harus dilonggarkan untuk mengurangkan jumlah gajah.

Di sesetengah negara, anjing-anjing yang tidak berdaftar dibunuh agar tidak dijangkiti penyakit anjing gila dan menyerang manusia. Malah Persatuan Perlindungan terhadap Kekejaman Binatang (SPCA) membunuh berjuta-juta ekor anjing dan kucing dalam perlindungan setiap tahun kerana ruang tinggal yang tidak mencukupi - di USA, 14 juta anjing dan kucing dihapuskan dalam masa seminggu selepas mereka diselamatkan oleh kumpulan perikemanusiaan dan kebajikan haiwan setiap tahun.

Akhirnya, pendapat bahawa vegetarianisme mencegah pembunuhan binatang adalah tidak benar. Walaubagaimanapun, amalan vegetarianisme atas belas kasihan adalah terpuji, selagi seseorang tidak menjadi terlalu ekstrem dalam hal itu.

### **Setiap Orang secara Tidak Langsung Terlibat dalam Pembunuhan Binatang**

Kita secara tidak langsung terlibat dalam pembunuhan binatang sama ada kita vegetarian atau tidak.

Kawasan hutan yang luas perlu digondol untuk perumahan kerana kita ingin tinggal di dalam rumah. Ini mengakibatkan kematian banyak binatang. Oleh sebab kita ingin menggunakan peralatan rumah tangga dan perkakas moden yang lain, kawasan hutan yang luas perlu digondolkan untuk dijadikan tapak-tapak kilang dan perindustrian. Oleh sebab kita ingin menggunakan tenaga elektrik, sungai-sungai dibendung untuk menjana kuasa hidro-elektrik. Ini mengakibatkan kawasan hutan yang luas dibanjiri dan mengorbankan nyawa banyak binatang.

Oleh sebab kita menggunakan kenderaan bermotor, binatang yang tidak terhitung jumlahnya dan ramai manusia terbunuh di jalan raya setiap hari.

Demi keselamatan kita lagi, anjing-anjing liar dibunuh agar tidak dijangkiti penyakit anjing gila. Dalam penghasilan pelbagai produk kegunaan harian seperti: makanan, ubat-ubatan, sutera, kosmetik, filem dan sebagainya; bahan-bahan yang berasal daripada haiwan digunakan menyebabkan kematian banyak binatang.

Jika kita menggunakan hujah permintaan dan bekalan seperti yang dijelaskan sebelum ini maka kita tidak seharusnya tinggal di taman perumahan, atau menggunakan peralatan rumah tangga yang dihasilkan oleh kilang-kilang, atau menggunakan tenaga elektrik dan sebagainya.

### **Perumpamaan Pembunuh Bersiri**

Andaikan terdapat seorang pembunuh bersiri di suatu bandaraya yang telah memperkosa dan membunuh ramai wanita sehingga tidak ada wanita yang berani keluar rumah pada waktu malam. Seluruh bandaraya gempar dan para penduduk menuntut agar pihak berkuasa menjalankan tugas mereka dan menangkap pembunuh tersebut. Jadi pihak polis, setelah beberapa bulan berusaha keras, akhirnya dapat menangkap pesalah tersebut. Ini diikuti oleh perbicaraan yang panjang dan hakim akhirnya menjatuhkan hukuman mati ke atas pesalah tersebut. Pada hari yang ditentukan, pembunuh itu dibawa ke pentas pelaksanaan hukuman mati di mana petugasnya menarik pengungkil untuk menamatkan nyawa si pembunuh.

Sekarang, semua ini membawa kepada persoalan: “Siapa yang terlibat dalam *kamma* buruk disebabkan pembunuhan seorang manusia (iaitu si pembunuh bersiri)?” Menurut hukum *kamma-vipaka*, petugas pelaksanaan hukuman mati menanggung kesalahan yang paling berat

kerana dia dengan sengaja melakukan pembunuhan. Berikutnya adalah hakim yang menjatuhkan hukuman mati. Kedua-dua orang ini secara langsung terlibat dalam *kamma* pembunuhan akibat pelaksanaan hukuman mati pembunuh bersiri. Pihak polis hanya terlibat secara tidak langsung dan tidak bertanggungjawab ke atas pelaksanaan hukuman matinya. Bagaimana dengan para penduduk? Pada akhirnya pembunuh bersiri dihukum mati untuk melindungi para penduduk, iaitu dia dihukum mati demi kebaikan para penduduk, atau dengan kata lain, para penduduk merupakan pihak yang mendapat manfaat terbanyak daripada hukuman mati tersebut. Jadi, adakah para penduduk bertanggungjawab ke atas *kamma* pembunuhan berkenaan? Tidak, kerana mereka tidak meminta hukuman mati dijatuhkan ke atas pembunuh bersiri tersebut. Tetapi mereka akan turut terlibat jikalau mereka menuntut hukuman mati ke atas si pembunuh bersiri itu.

Senario di atas serupa dengan penyembelihan binatang-binatang sebagai makanan. Orang yang menyembelih binatang-binatang tersebut menanggung *kamma* pembunuhan yang paling berat. Orang yang membiak binatang-binatang untuk disembelih juga terlibat dalam *kamma* pembunuhan. Mereka serupa dengan hakim yang menjatuhkan hukuman mati ke atas si pembunuh tersebut. Tetapi orang yang membeli daging binatang-binatang yang sudah disembelih tidak terlibat dalam *kamma* pembunuhan walaupun serupa dengan penduduk bandaraya di atas, mereka adalah penerima manfaat utama. Akan tetapi jika seseorang meminta penyembelihan seekor binatang hidup untuk dagingnya, maka dia terlibat dalam *kamma* pembunuhan.

### **‘Chi Zhai’ 吃齋, bukan ‘Chi Su’ 吃素**

Ramai umat Buddhis bangsa Cina mempunyai anggapan silap bahawa Buddhisme Mahayana mengajar amalan vegetarianisme, dan mengelirukan ‘Chi Su’ 吃素

(Vegetarianisme) dengan ‘Chi Zhai’ 吃齋 (tidak makan selepas tengah hari sehingga subuh keesokan harinya). Dalam *Sutta-Sutta* tertua, ‘Chi Su’ dinyatakan sebagai amalan pertapa berkepercayaan luaran yang tidak bermanfaat. ‘Chi Su’ diamalkan oleh Han Chuan 汉传 (Buddhisme Cina), bukan Bei Chuan 北传 (Buddhisme Mahayana), kerana Buddhis Mahayana di Tibet dan Jepun bukan vegetarian. Pengamalan vegetarianisme bhikkhu/bhikkhuni di negara Cina bermula pada tahun 511 apabila Maharaja Liang Wu Di 梁武帝 memerintah semua *bhikkhu* dan *bhikkhuni* di negara Buddhis memakan makanan vegetarian.

Perkataan ‘Zhai’ bererti tidak makan pada masa-masa tertentu, iaitu berpuasa. Oleh itu bulan Puasa Muslim dipanggil ‘Kai Zhai’ 开齋. Buddha mengajar para *bhikkhu* supaya ‘Chi Zhai’, iaitu tidak makan (dengan pengecualian ubat-ubatan) selepas tengah hari sehingga subuh keesokan harinya (jam 1 petang hingga 7 pagi di Malaysia). Dalam Han Chuan, ‘Chi Zhai’ telah menjadi sama erti dengan ‘Chi Su’.

## KESIMPULAN

Buddha tidak menggalakkan kita memakan daging ataupun menjadi vegetarian. Pilihan bergantung sepenuhnya kepada kita. Yang paling penting kita perlu mengingati garis-garis panduan Buddha dalam MN 55 mengenai tiga syarat bagi daging yang tidak diizinkan dan yang diizinkan.

Seorang *bhikkhu* tidak diizinkan untuk memasak dan harus bergantung sepenuhnya kepada persembahan daripada para penyokong (umat awam). *Bhikkhu* juga diajar agar mudah disokong dan dijaga. Oleh sebab seorang *bhikkhu* tidak diizinkan untuk meminta makanan khusus (kecuali semasa sakit), maka *bhikkhu* tidak dapat memilih makanannya. Dia harus menerima apa jua yang



dipersembahkan.

Umat awam mempunyai lebih banyak kebebasan untuk memilih makanan mereka, dan untuk umat awam ini bergantung sepenuhnya kepada pilihan peribadi masing-masing sama ada memakan daging ataupun menjadi vegetarian. Untuk sebab-sebab yang sudah dijelaskan sebelum ini, adalah penting untuk tidak menjadi terlalu kritikal terhadap orang lain tidak kira apa jua pilihan mereka.

Cara yang paling berkesan untuk mengurangkan pembunuhan dan kekejaman di dunia adalah dengan mengajar orang ramai *Dhamma* Buddha. Akhirnya, penderitaan (*dukkha*) adalah satu ciri kehidupan, dan cara untuk mengakhiri penderitaan adalah dengan amalan Jalan Ariya Berunsur Delapan ajaran Buddha untuk membebaskan diri daripada kitaran kelahiran kembali.

# YAYASAN SANGHA

~ [www.vbgnet.org](http://www.vbgnet.org) ~

*Yayasan Sangha adalah yayasan pertama di Malaysia dimana Lembaga Pemegang Amanah dilantik daripada kalangan para Bhikkhu, Samanera dan Maechee / Anagarini. Apabila Bhikkhu, Samanera dan Maechee / Anagarini kembali ke kehidupan awam, dia dengan segeranya terlucut jawatan sebagai pemegang amanah.*

*Orang awam dilantik ke dalam jawatankuasa-jawatankuasa untuk menguruskan hal-hal berkaitan kewangan, penyelenggaraan Vihara, dan sebagainya.*

*Vihara adalah hak milik Yayasan, yang menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan, sokongan dan perlindungan kepada Sangha. Kesemua kemudahan di Vihara termasuk tapaknya adalah hak milik Yayasan, bukan hak milik perseorangan. Oleh itu, apa jua penyembahan kepada Vihara / Yayasan adalah penyembahan kepada Sangha.*

## Sumbangan

Sumbangan kewangan harus dihulurkan atas nama:

**"Sangha Foundation a/c 721-108548-8",  
OCBC Bank (M) Berhad, Ipoh.**


Oleh kerana Vihara tidak menggaji pekerja pejabat, resit pada lazimnya tidak dikeluarkan kecuali atas permintaan penderma. Sila sertakan nama, alamat dan nombor telefon bimbit untuk resit.


Selepas Mac 2008, semua sumbangan kewangan kepada Yayasan Sangha dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Kami menghargai sesiapa yang ingin datang membuat penyembahan makanan kepada penghuni Vihara. Sesiapa yang ingin membuat penyembahan makanan tengah hari harus datang sebelum pukul 10.30 pagi.

---

*"...satu penyembahan kepada Sangha tidak terkira, tidak terukur. Dan saya kata tidak mungkin satu hadiah kepada orang perseorangan yang akan memberi manfaat yang lebih besar daripada sumbangan kepada Sangha"  
~ Buddha, Majjhima Nikaya 142*





**Bhante Dhammavuddho Thero** adalah seorang warganegara Malaysia berketurunan Cina. Beliau mendapat ijazah dari Universiti Malaya pada tahun 1971, dan bekerja sebagai jurutera elektrik di Jabatan Kerja Raya selama dua belas tahun. Minat beliau terhadap agama mendorong beliau menyelidik agama-agama utama di dunia sebelum menemui ajaran Buddha pada tahun 1976.

Pada tahun 1983, beliau ditahbis dibawah tradisi Mahayana. Tiga tahun kemudian, beliau ditahbis semula di bawah tradisi Theravada di Negara Thai. Selepas itu, beliau menghabiskan masa sekitar sepuluh tahun untuk berlatih dan menjalani kehidupan bersendirian di tempat-tempat yang sunyi. Beliau telah menulis banyak buku-buku kecil dan artikel-artikel berkenaan ajaran Buddha, seperti: "Return to the Original Buddha Teachings", "Message of the Buddha", "Buddhist Monk's Precepts", dan sebagainya. Buku-buku beliau telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia, dan Bahasa Cina.

Pada tahun 1998, dengan sumbangan penyokong-penyokong beliau, beliau mengasaskan sebuah Vihara hutan seluas 15 ekar, Vihara Buddha Gotama yang terletak di luar bandar Temoh, dekat Kampar, Perak. Tujuan Vihara Buddha Gotama ditubuhkan adalah untuk pembelajaran Sutta (ajaran Buddha) dan Vinaya (disiplin Bhikkhu), dan latihan meditasi, mengikut ajaran asal Buddha. Vihara Buddha Gotama dibuka kepada Bhikkhu, Samanera, dan Maechee / Anagarini, dan juga orang-orang awam.

Pada tahun 1999, Yayasan Sangha didaftarkan dengan objektif-objektif berikut:

- (a) Untuk memupuk pembelajaran, praktis dan pemahaman Buddha-Dhamma - iaitu ajaran Buddha, dengan memberi penekanan kepada tradisi Theravada - bagi komuniti Buddhist.
- (b) Untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan kebajikan untuk manfaat semua manusia.
- (c) Untuk melaksanakan semua tindakan dan perkara yang pada pendapat Yayasan adalah wajib untuk pencapaian objektif-objektif yang tertera di atas.

Lembaga pemegang amanah Yayasan Sangha dilantik daripada kalangan para Bhikkhu, Samanera dan Maechee / Anagarini. Orang awam dilantik ke jawatankuasa-jawatankuasa untuk menguruskan hal-hal berkaitan kewangan, penyelenggaraan Vihara, dan sebagainya.

Sebarang pertanyaan mengenai Vihara, Yayasan, atau kebenaran untuk mengulang-cetak buku ini boleh diajukan kepada:

**Vihara Buddha Gotama**  
c/o 121 Jalan Besar, 35350 Temoh,  
Perak, Malaysia  
Laman web: [www.vbgnet.org](http://www.vbgnet.org)  
Telefon Bimbit: +6012 469 7483  
(10 pagi - 4 petang)